

KAJIAN MEMPERKASAKAN PERANAN RUKUN TETANGGA
MELALUI PROJEK-PROJEK EKONOMI

Oleh:

*Hajjah Ainon Bin Kuntom
Riger Consultancy Sdn Bhd*

ABSTRAK

Kertas kajian ini adalah untuk memaklumkan hasil kajian dan berbincang mengenai bagaimana peranan Rukun Tetangga dapat diperkasakan melalui projek-projek ekonomi. Rukun Tetangga memainkan peranan untuk pembangunan komuniti supaya komuniti berupaya berdikari menangani gejala sosial tempatan, dapat meningkatkan semangat kejiranan dan bersatu-padu untuk menjaga keselamatan negara. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah memilih dua (2) tempat iaitu KRT Ketereh di Kelantan dan KRT-KRT di Pulau Bangi, Kudat, Sabah bagi tujuan kajian ini. Metodologi kajian yang digunakan adalah terdiri daripada temubual bersama penduduk, tinjauan mengenai kedudukan demografi dan pemerhatian terhadap kedudukan geografi serta alam semulajadi di kawasan tersebut. Analisis dilihat mengikut cara '*Representation of Reality on Purpose for Comparison*'. Kajian ini mendapati bahawa kejayaan projek-projek ekonomi memberi banyak kesan positif dan menggalakkan kepada KRT dan ahli-ahlinya, seperti pendapatan yang lebih, peluang pekerjaan, tanah dan sumber terbiar dijadikan lebih produktif dan pengujudan rangkaian yang rapat antara KRT dan agensi-agensi kerajaan serta swasta untuk pemindahan pengetahuan, kemahiran dan teknologi. Perhubungan serta kerjasama yang rapat antara penduduk-penduduk di KRT juga dapat disemai. Dengan adanya perhubungan, kerjasama persefahaman, saling hormat-menghormati dan percaya-mempercayai di antara satu sama dapat menjalinkan semangat kejiranan dan persaudaraan ke arah perpaduan dan muafakat yang kukuh.